# KISAH KEJAYAAN PI1M KG KUALA JEMPOL

| ITEM<br>JENIS | INFORMATION<br>MAKLUMAT |
|---|---|
| **Name of PI1M<br>Nama PI1M** | Pusat Internet 1 Malaysia Kuala Jempol |
| **Location<br>Lokasi** | *Mukim Kuala Jempol – Daerah Bahau – Negeri Sembilan* |
| **Name of person(s)<br>Nama** | *Zulfadhil Bin Batiar*<br>*880914-05-5381* |
| **Details of person (s)<br>Butiran diri** | • *27 Tahun*<br>• *Lelaki*<br>• *Nama Syarikat : Long Fadhil Frozen Food* |
| **Success story<br>Kisah kejayaan** | ***<u>Donut Mini Frozen</u>***<br><br>*Long Fadhil Frozen Food merupakan syarikat yang diasaskan oleh anak muda bernama Zulfadhil Bin Batiar. Beliau mempunyai cita-cita tersendiri dalam menempuhi kehidupan sebenar. Minat yang mendalam dalam dunia perniagaan, kini boleh menjadi kenyataan hasil bantuan atau khidmat dari Pusat Internet 1Malaysia Kuala Jempol.*<br><br>*Pada awalnya En. Zulfadhil merupakan penyelia sesebuah gerai yang menyediakan makanan seperti Nasi Lemak, Roti Canai dan sebagainya. Beliau membantu keluarga melalui tindakanya menjaga gerai secara berterusan selama 13 tahun. Begitu banyak pengalaman pahit dan manis yang ditempuhinya sehingga membolehkan beliau menubuhkan syarikat miliknya sendiri. Bak kata peribahasa, dimana ada kemahuan disitu ada jalan.*<br><br>*Untuk menyara kehidupan yang semakin mencabar, beliau ambil jalan terbaik untuk membuka syarikat bernama Long Fadhil Frozen Food sejak tahun 2013 lagi. Beliau mendapat kekuatan dari pihak keluarga bagi menjalankan perniagaan berasaskan makanan sejuk beku ini di kawasan luar bandar.*<br><br>*Dari segi tempahan Donut Mini Frozen, lebih kurang 200 bungkus berjaya di jual dalam tempoh sebulan. Hal ini hasil perkhidmatan yang bagus seperti cetakan bahan packaging, corak pada label produk dan dorongan yang diberikan oleh pihak PI1M*<br><br>*Dengan modal yang konsisten maka tertubuhnya syarikat Long Fadhil Frozen Food. Syarikat ini mendapat bantuan kewangan sebanyak RM5000. Malahan, dari segi peralatan pula iaitu freezer boleh memuatkan 180 bungkus donut. Selain itu, mixer seberat 3kg dan 5kg juga diberikan oleh pihak TEKUN bagi memudahkan operasi pengeluaran produk.* |

<table>
<tr><th>ITEM<br>JENIS</th><th>INFORMATION<br>MAKLUMAT</th></tr>
<tr><td></td><td>

*Secara tidak langsung, syarikat beliau menyediakan pekerja seramai 3 hingga 4 orang bagi membantu proses penghasilan produk. En Fadhil memulakan langkah menjual produk kepada pelanggan dengan menghantar ke setiap kedai runcit berhampiran rumah. Sebagai contoh, 1 bungkus dijual pada harga RM3.50 dan terdapat 10 donut didalamnya. Oleh sebab mendapat sambutan yang tinggi, beliau mendapat tempahan yang menggalakkan ketika majlis kenduri. Pihak kantin sekolah juga selalu membuat tempahan pada beliau jika ada sebarang majlis.*

*Dari segi cabaran dan halangan , harga bahan mentah yang dijual semakin mahal. Hal ini menjadikan beliau lebih berhati-hati dalam mengeluarkan produk agar tiada yang rosak disaat smpai ke tangan pelanggan*

*Dengan adanya pendekatan Pusat Internet 1 Malaysia Kuala Jempol, beliau dapatlah peluang untuk melebarkan perniagaan melalui promosi dan pemasaran di laman Dasboard iaitu* ***Myshop.***

*Untuk perancangan masa hadapan, beliau berhasrat untuk memperluaskan perniagaan ke peringkat yang lebih jauh. Fokus utama bagi mempromosikan produk makanan tradisional ini serata tempat merangkumi bandar dan luar bandar.*

</td></tr>
<tr><td>Keterangan gambar<br>Photo caption</td><td>




*Gambar 1.0*

</td></tr>
</table>

<table>
<tr><th>ITEM<br>JENIS</th><th>INFORMATION<br>MAKLUMAT</th></tr>
<tr><td></td><td>




*Gambar 1.1*




*Gambar 1.2*

</td></tr>
<tr><td></td><td></td></tr>
</table>

<table>
<tr><th>ITEM<br>JENIS</th><th>INFORMATION<br>MAKLUMAT</th></tr>
<tr><td>Photo caption names Keterangan gambar berserta nama</td><td>Gambar 1.0 : En Zulfadzil sedang sibuk menguruskan dokumen perniagaannya<br><br>Gambar 1.1 : Salah satu produk yang mendapat sambutan luar biasa itu Donut Mini Frozen<br><br>Gambar 1.2 : Kaedah promosi Karipap Pusing Frozen di laman dashboard iaitu MyShop</td></tr>
<tr><td>Feedback Maklumbalas</td><td>1. Apakah pandangan pertama anda terhadap PI1M?<br>- Dulu pernah juga dengar tapi sebagai Pusat Jalur Lebar. Namun sekarang lebih dikenali dengan Pusat Internet 1Malaysia. Pada pandangan saya, ianya memang bagus sebab memainkan peranan sebagai medium untuk memberi pendedahan tentang ilmu ICT kepada penduduk setempat. Budak-budak memang suka pada teknologi, jadi dari kecil lah kita didik mereka supaya lebih mahir menggunakan computer.<br><br>2. Apakah tarikan utama anda untuk datang dan menggunakan kemudahan di PI1M?<br>Kebanyakan pengguna suka melayari internet ketika waktu lapang. Jadi dengan adanya PI1M, maka mereka boleh menghabiskan waktu untuk menimba ilmu pengetahuan tentang ICT. Para pelajar juga boleh “study group” di sini. Selain itu, dengan menyediakan perkhidmatan seperti fototastat, printing, liminate dan binding memudahkan penduduk setempat tanpa perlu ke bandar.<br><br>3. Bagaimanakah cara PI1M dapat membantu bagi mencapai kejayaan individu/kumpulan lain?<br>- Mengadakan kelas ICT dan latihan keusahawanan khasnya untuk komuniti setempat . Golongan remaja dan belia boleh belajar untuk mengembangkan bisnes secara online.<br><br>4. Berikan cadangan dan pandangan bagi menambahbaik PI1M? (kemudahan, aktiviti latihan / kursus, promosi dan lain-lain.<br>- Mengadakan program usahasama dengan JKKK,agensi kerajaan dan syarikat swasta lain. Hal ini bagi meningkatkan jumlah keahlian PI1M Kuala Jempol. Selain itu, mengeratkan lagi hubungan silaturrahim antara petugas PI1M dan komuniti setempat.</td></tr>
</table>